



**NOTIS PEMILIHAN KALI KE-2 MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
SIDANG AKADEMIK 2022/2023**

Dimaklumkan bahawa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia kali pertama telah diadakan pada hari Jumaat, 2 Disember 2022 bagi merebut kerusi-kerusi Konstituensi Pusat-Pusat Pengajian dan Konstituensi Umum.

Sebanyak tiga puluh lima (35) kerusi Konstituensi Pusat Pengajian dan sepuluh (10) kerusi Konstituensi Umum telah dipertandingkan dan didapati sebanyak lima (5) kerusi konstituensi tidak mempunyai calon.

Sehubungan itu, satu (1) Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2022/2023 Kali Ke-2 akan diadakan pada hari Jumaat, 9 Disember 2022 sebagai Hari Pemilihan bagi merebut kerusi-kerusi konstituensi seperti berikut:

| <b>KONSTITUENSI UMUM</b>                 |                                    |                        |
|--|------------------------------------|------------------------|
| <b>KONSTITUENSI UMUM (IJAZAH TINGGI)</b> |                                    | <b>BILANGAN KERUSI</b> |
| 1  | Ijazah Tinggi (Ketiga-tiga Kampus) | 1                      |
| 2  | Kampus KLE India (Ijazah Pertama)  | 1                      |

| <b>KAMPUS KEJURUTERAAN</b>        |                     |                        |
|-----------------------------------|---------------------|------------------------|
| <b>KONSTITUENSI IJAZAH TINGGI</b> |                     | <b>BILANGAN KERUSI</b> |
| 1                                 | Kampus Kejuruteraan | 1                      |

| <b>KAMPUS KESIHATAN</b>             |                                 |                        |
|-------------------------------------|---------------------------------|------------------------|
| <b>KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN</b> |                                 | <b>BILANGAN KERUSI</b> |
| 1                                   | Pusat Pengajian Sains Perubatan | 2                      |

**BORANG PENAMAAN CALON**

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa yang layak dan berminat untuk menjadi calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2022/2023, boleh memuat turun Borang Penamaan Calon di Menu Muat Turun Laman Web BHEPA [hepa.usm.my](http://hepa.usm.my) bermula pada 6 Disember 2022 (Selasa).

Pelajar-pelajar diberi masa selama dua (2) hari untuk mengisi Borang Penamaan Calon serta mendapatkan pengesahan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni/Pengarah Kampus dan Dekan Pusat Pengajian/Penyelia Utama.

#### **A. PENAMAAN CALON SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA**

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa Ijazah Pertama Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus KLE dan Ijazah Tinggi dari semua Pusat Pengajian di semua Pusat Pengajian di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), IPS USM@KL dan Kampus USM-KLE India boleh mengemukakan Borang Penamaan Calon masing-masing untuk bertanding dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2022/2023 yang boleh diakses secara dalam talian melalui Sistem ePilih Campus Online pada 7 Disember 2022 (Rabu), jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang (waktu Malaysia).

#### **B. PROSES PEMILIHAN SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA**

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa Ijazah Pertama Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus KLE dan Ijazah Tinggi dari semua Pusat Pengajian di semua Pusat Pengajian di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), IPS USM@KL dan Kampus USM-KLE India berhak membuat Pemilihan pada 9 Disember 2022 (Jumaat) bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Malaysia) yang boleh diakses melalui Sistem ePilih Campus Online USM.

#### **C. PENJUMLAHAN DAN PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEMILIHAN**

Proses Penjumlahan dan Pengumuman Keputusan Pemilihan bagi kerusi-kerusi Konstituensi Pusat-pusat Pengajian dan kerusi-kerusi Konstituensi Umum yang telah dipertandingkan akan diadakan pada 9 Disember 2022 (Jumaat), bermula jam 6.00 petang yang dipancarkan secara dalam talian di FB Live BHEPA USM.

Butiran lanjut berkaitan dengan syarat-syarat penamaan calon dan peraturan-peraturan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar boleh didapati di Laman Web Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA).

Sekian, terima kasih.

#### **PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN**

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Tarikh Kuat Kuasa: 5 Disember 2022

No. Fail Rujukan: USM.HEPA.600-3/1/4